



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA SEGERA **SARAWAK HARI INI MEREKODKAN LIMA BELAS (15) LAGI KES** **BAHARU POSITIF COVID-19**

1. LAPORAN HARIAN

Sarawak hari ini merekodkan **lima belas (15) lagi** kes baharu positif COVID-19, menjadikan jumlah bilangan kes di Sarawak sebanyak **327 kes** sejak kes positif pertama dilaporkan pada 13 Mac 2020. Daripada 15 kes tersebut, 14 kes dirawat di Hospital Umum Sarawak dan 1 kes di Hospital Bintulu.

Pada hari ini, sebanyak **254 kes baharu** *Person Under Investigation* (PUI) dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak **2,259 kes**. Daripada jumlah itu, **1,696 kes** adalah negatif dan **327 kes PUI** masih menunggu keputusan makmal.

Statistik Kes PUI baharu mengikut Daerah.

| BIL | DAERAH | JUMLAH |
|------------|---------------|---------------|
| 1 | Kuching | 194 |
| 2 | Samarahan | 16 |
| 3 | Bau | 11 |
| 4 | Simunjan | 11 |

| | | |
|---------------|------------|------------|
| 5 | Serian | 6 |
| 6 | Bintulu | 5 |
| 7 | Belaga | 4 |
| 8 | Miri | 4 |
| 9 | Lubok Antu | 1 |
| 10 | Betong | 1 |
| 11 | Kapit | 1 |
| JUMLAH | | 254 |

2. PEMANTAUAN TEMPOH PKP

Sehingga hari ini, pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan adalah sebanyak **97.2%**. Semalam pihak Polis telah menangkap **14 orang** di Sarawak kerana melanggar PKP dan **33 orang** telah dituduh di Mahkamah. Dari jumlah tersebut, **30 orang** telah mengaku salah, manakala seramai **6 orang** telah dipenjara, **21 orang** telah dedenda dan **73 orang** telah dikompaun.

Berikut Adalah Kes Tangkapan Harian Mengikut Daerah (sehingga 09.04.2020).

| BIL | DAERAH | JUMLAH ORANG |
|---------------------------|---------------|---------------------|
| 1 | Betong | 7 |
| 2 | Limbang | 4 |
| 3 | Miri | 1 |
| 4 | Sibu | 1 |
| 5 | Kanowit | 1 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 14 |

Berikut Adalah Kes Pertudahan Harian Mengikut Daerah (sehingga 09.04.2020).

| BIL | DAERAH | JUMLAH ORANG |
|---------------------------|----------------|---------------------|
| 1 | Kuching | 11 |
| 2 | Sibu | 8 |
| 3 | Bintulu | 5 |
| 4 | Kota Samarahan | 4 |
| 5 | Miri | 2 |
| 6 | Padawan | 1 |
| 7 | Serian | 1 |
| 8 | Lubok Antu | 1 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 33 |

3. OPERASI NYAHCEMAR DI SELURUH SARAWAK

Bagi operasi Nyahcemar di Tempat Awam, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah melakukan operasi tersebut di kawasan Zon Merah dan Zon Jingga. Seramai **2,122 orang** terlibat dalam operasi tersebut termasuk agensi-agensinya seperti berikut:

| BIL | AGENSI | BIL. PETUGAS |
|------------|--|---------------------|
| 1 | 26 PBT (Bahagian Penguatkuasa - 311) (Pasukan Kesihatan Awam - 284) (Kakitangan Sokongan – 86) | 681 |
| 2 | Jabatan Bomba dan Penyelamat | 834 |

| | | |
|---------------|--------------------------------|--------------|
| 3 | Kementerian Kesihatan Malaysia | 240 |
| 4 | Angkatan Pertahanan Awam | 134 |
| 5 | RELA | 94 |
| 6 | PDRM | 73 |
| 7 | Pejabat Daerah | 35 |
| 8 | Lain-Lain | 31 |
| JUMLAH | | 2,122 |

4. PENEMPATAN SEMUA RAKYAT SARAWAK (DARI LUAR NEGARA / SEMENANJUNG / SABAH DAN LABUAN) DI PUSAT KUARANTIN

Pada hari ini terdapat penambahan seramai **207 orang** rakyat Sarawak yang tiba dari luar negara / Semenanjung/ Sabah / Labuan menjadikan jumlah keseluruhan seramai **575 orang** yang telah ditempatkan di Pusat Kuarantin sebagai PUS (*Person Under Surveillance*) seperti berikut:

(Data sehingga 10.04.2020)

| BIL | BAHAGIAN | HOTEL | BILANGAN PUS |
|------------|-----------------|---------------------|---------------------|
| 1 | Kuching | Hock Lee | 108 |
| 2 | | Rajah Court Dormani | 87 |
| 3 | | Kuching Park | 78 |
| 4 | Bintulu | Wasan Inn | 16 |
| 5 | Miri | Mega | 89 |
| 6 | | Somerset | 45 |
| 7 | | Ostay Inn | 7 |
| 8 | | Cosy Inn | 13 |

| | | | |
|-------------------|---------|----------|------------|
| 9 | | Imperial | 63 |
| 10 | Limbang | Purnama | 69 |
| Jumlah PUS | | | 575 |

5. RUMUSAN

Keadaan keselamatan di Sarawak berada di dalam keadaan yang terkawal dengan kadar pematuhan PKP 97.5%. Semua agensi-agensi yang terlibat dengan operasi PKP terus melaksanakan kawalan dan pemantauan di negeri Sarawak serta melakukan operasi nyahcemar di semua kawasan Zon Merah dan Jingga bagi mengekang penyebaran COVID-19.

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

10 APRIL 2020

4.30 PETANG